

SOALAN NO. 216

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG**

**TARIKH : 23 OKTOBER 17 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [ RASAH ] minta MENTERI PEMBANGUNAN**

**WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-**

- (a) Berapakah jumlah warga OKU yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan setiap warga OKU mendapat bantuan kewangan bulanan tanpa mengira sumber pendapatan mereka sebagai tanda penghargaan dan galakan kepada mereka.

44

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam mengambil langkah untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar termasuk orang kurang upaya (OKU) bagi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan golongan tersebut.

Pendaftaran Orang Kurang Upaya dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 adalah dengan tujuan berikut:

- i) Untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program berkaitan dengan

pengecahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan.

- ii) Untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU.
- iii) Untuk membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsiian / ketidakupayaan mereka.

Sehingga 30 September 2017 sejumlah **441,174** orang OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah mengambil pelbagai langkah bagi membantu golongan OKU melalui insentif seperti berikut iaitu:

- (i) Pemberian insentif kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pemberian Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar

46

RM350 sebulan bagi yang berpendapatan di bawah RM1,200.00 sebulan;

- (ii) Pemberian insentif berupa Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar dengan kadar RM300 sebulan seorang bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka;
- (iii) Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja diberi dengan kadar bantuan sebanyak RM200 sebulan seorang kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja;
- (iv) Pemberian Elaun Khas sebanyak RM150 sebulan kepada OKU yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK); dan
- (v) Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran turut diberikan kepada golongan OKU yang ingin menjalankan perniagaan untuk menjana pendapatan.

Pemberian bantuan kewangan tersebut dibuat dengan mengambil kira kriteria atau syarat am kelayakan permohonan seperti berikut:

- 47
- i) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
  - ii) Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM760 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM910 sebulan bagi Sarawak dan RM1,050 sebulan bagi Sabah;
  - iii) Tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup;
  - iv) Jika mempunyai keluarga tetapi keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup; dan
  - v) Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan berdasarkan kepada hasil siasatan yang dijalankan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti tahap kesihatan, keadaan dan kelengkapan rumah dan lain-lain.

Secara amnya, JKM tidak meluluskan pemberian bantuan kebajikan berdasarkan pendapatan keluarga semata-mata. Dalam hal ini, JKM turut mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan ahli isi rumah yang perlu ditanggung, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan keluarga.

**SOALAN ( 217 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB. TUAN TEO KOK SEONG**

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) Apakah punca yang menyebabkan banjir kilat yang paling teruk dalam sejarah di Kampung Singh, Rasah Jaya, Kampung Pasir, Labu dan beberapa kawasan di Seremban yang berlaku pada 18 September 2017; dan
- (b) Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan yang tersebut di atas.

**JAWAPAN :-**

## Soalan (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir kilat yang berlaku di kawasan tersebut adalah disebabkan oleh limpahan Sungai Linggi yang menyebabkan air longkang dari kampung tersebut melimpah (backflow) dan saiz pembentung dan longkang yang kecil.

## Soalan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, longkang yang sempit antara punca berlakunya banjir kilat di kawasan tersebut. Majli Perbandaran Seremban telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100 ribu untuk tahun 2018 bagi tujuan pembesaran longkang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017